

1103/1

1103/1

**Bahasa
Melayu
Kertas 1
September 2012
2 ¼ jam**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2012

BAHASA MELAYU

Tingkatan 5

KERTAS 1

Dua Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.***
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*


Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak dan **1** halaman tidak bercetak

Bahagian A

[Masa dicadangkan : 45 minit]

[30 markah]

Lihat gambar rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah mengambil sarapan pagi. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



Bahagian B

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Kemahiran menguasai pelbagai bahasa sangat penting untuk memudahkan komunikasi antara satu sama lain.

Sehubungan dengan itu, jelaskan kepentingan penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar.

2. Remaja bersahsiah mulia mampu membangunkan sesebuah negara. Oleh sebab itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah murni anak-anak mereka.

Bincangkan.

3. Anda merupakan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan Koperasi (KPDNKK) diminta menyampaikan sebuah ceramah kepada belia-belia di tempat anda. Tajuk ceramah tersebut ialah "Usaha-usaha Kerajaan dalam Melahirkan Masyarakat Berjimat Cermat".

Sediakan teks ceramah tersebut selengkapnya.

4. Negara-negara di dunia hari ini menghadapi masalah pemerdagangan manusia yang semakin membimbangkan.

Jelaskan tindakan-tindakan berkesan bagi membendung kegiatan tersebut daripada berleluasa.

5. *Remaja amat mahal
sesungguhnya
tiada terbeli oleh perjanjian
harga remaja adalah
pendirian
keberanian dan ilmu.*

Berdasarkan petikan sajak 'Harga Remaja' di atas, terangkan kepentingan menjaga maruah diri sendiri.

KERTAS SOALAN TAMAT